



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 3 November 2022	
1	Lembaga ungags selesaikan isu monopoli ayam, telur
2	Sukar peroleh bekalan telur aya, peruncit hadkan jualan 10 biji setiap pelanggan

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Lembaga unggas selesaikan isu monopoli ayam, telur

Oleh FAHMI FAIZ
fahmi.faiz@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memberi kelonggaran khas terhadap dasar pengambilan kakitangan awam bagi menjayakan penubuhan lembaga unggas yang mengawal sektor ayam dan telur negara.

Jika kerehah birokrasi sehingga mengagalkan usaha kerajaan menubuhkan lembaga unggas, isu tiada bekalan ayam dan telur tidak selesai sehingga menyebabkan pengguna akan terus keluh-kesah dengan masalah kekurangan bahan mentah itu.

Buktinya, isu ayam timbul semula dengan yang terbaharu, akhbar ini mendedahkan sekurang-kurangnya tiga syarikat gergasi tempatan yang mengeksport ayam ke Singapura dimiliki oleh entiti dari negara seberang tambak itu.

Mereka disyaki melakukan penipuan dengan mengisytiharkan di pintu-pintu keluar negara, kononnya ayam hidup yang mereka eksport ke Singapura adalah ayam kampung atau *color broiler*. Sedangkan, ayam yang dieksport itu merupakan ayam daging putih yang mana eksportnya dihadkan kerajaan.

Satu sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, antara punca yang menghalang penubuhan lembaga itu akibat dasar kerajaan yang tidak lagi mengambil kakitangan awam baharu.

Malah kata sumber, dalam konteks lembaga ruminan yang sebelum ini heboh diperkatakan, usaha puluhan tahun bagi menubuhkan lembaga tersebut masih gagal mencapai titik noktah kerana masalah perjawatan.

"Kalau misalnya nak buat



MASALAH bekalan ayam dan telur tidak selesai sehingga Malaysia mempunyai lembaga unggas yang diberi kuasa mentadbir sektor makanan itu.

lembaga unggas, sudah banyak platform membincangkan perkara ini. Untuk tubuhkan lembaga unggas ini, untuk *set up* itu bukan ambil masa yang singkat.

"Tengok lembaga ruminan yang nak dibuat sejak 10 tahun lepas, saya difahamkan sampai sekarang pun tak siap-siap. Apa saja pun, kena ada *political will*. Sebab kalau tiada benda ini, ia tak mudah berlaku dan banyak sangat cabaran," katanya semalam.

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, berdasarkan maklumat diterima pihaknya tentang lembaga ruminan, walaupun organisasi lembaga tersebut sudah siap disusun, namun masalah mula timbul apabila waran perjawatan tidak diluluskan.

"Jadi macam mana nak gerak? Sebab saya difahamkan, tiada kelulusan perjawatan, senyap saja. Sumber-sumber saya memberitahu, bila angkat

waran itu untuk dibentangkan dalam kelulusan Bajet, tahun demi tahun tak dilulus.

"Jadi pada saya, perkara sama akan berlaku dalam lembaga unggas. Maknanya nak buat ini, bukan satu benda senang dan perlukan komitmen keseluruhan. Kalau betul nak buat, perjawatan perlu ambil kira.

"Ini, saya difahamkan bila agensi mengusulkan, kerajaan pula kata tiada pertambahan dan pengambilan kakitangan awam. Jadi, arahan itu termasuk juga dengan lembaga-lembaga yang nak ditubuhkan, dan tergantunglah usaha penubuhan lembaga itu," katanya.

Oleh itu, tanpa lembaga khusus menyelia industri penting makanan akan mengakibatkan masalah ketirisan dan eksploitasi oleh pemain-pemain gergasi seperti industri ayam yang turut mampu memintas sistem sedia ada.

Sukar peroleh bekalan telur ayam, peruncit hadkan jualan 10 biji setiap pelanggan Peniaga baulu, nasi lemak gelabah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Peniaga makanan terutama nasi lemak dan baulu di negeri ini mula gelabah memikirkan bekalan telur ayam yang semakin sukar diperoleh di kedai runcit ketika ini.

Rata-rata mereka buntu sehingga terpaksa menghentikan tempahan buat sementara waktu, selain hanya mengutamakan pelanggan di majlis kenduri.

Pengusaha Rashidah's Bahulu Warisan, Mohd. Sobri Hamid berkata, kesukaran memperoleh bekalan telur ayam bagi semua gred itu berlaku dua minggu lalu.

Katanya, hampir semua kedai runcit dan pasar mini berdekatan kediamannya di Teluk Kumbar di sini berdepan masalah tersebut.

"Kalau masuk mana-mana kedai runcit memang takdak



BEKALAN telur ayam yang semakin sukar diperoleh ketika ini meresahkan peniaga makanan di Pulau Pinang. – GAMBAR HIASAN

(tiada) telur. Nasib sahaja kalau ada orang (pelanggan) yang belum ambil atau beli, itu dianggap rezeki.

"Bayangkan, peniaga kedai runcit kini mengehadkan jualan hanya 10 biji telur ayam bagi setiap pelanggan.

"Sudahlah tempahan baulu semakin meningkat, telur ayam bagi gred AA pula payah dicari. Kami kini terkesan kira-kira 30 peratus untuk siapkan tempahan daripada pelanggan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Dalam pada itu, ujarnya, kekurangan bekalan telur ayam turut menyumbang kepada peningkatan harga jualan di pasaran ketika ini.

"Telur gred AA naik harga daripada RM16.50 sepapan kepada RM17.50. Telur ayam yang dijual di kedai runcit sedikit mahal berbanding di pasar.

"Kami terpaksa beli terus dari lori pembekal telur ayam di Permatang Damar Laut dan Batu Maung pada harga RM15.50 sepapan. Adakalanya mereka (pembekal) juga tiada stok telur bagi gred AA," ujarnya yang menggunakan telur gred AA bagi

mengekalkan kualiti adunan dan rasa enak baulu.

Sementara itu, seorang peniaga nasi lemak di Bayan Lepas, Zahir Manan, 40-an, pula memberitahu, dia turut berdepan masalah sama apabila pemborong mencatu jualan telur ayam kepada 30 biji (sepapan) bagi setiap keluarga.

"Setiap kali ke kedai runcit untuk membeli bekalan telur ayam gred B dan gred lain mesti habis, manakala di pasar raya besar pula akan mula habis pada sebelah petang.

"Kami jangka telur ayam akan naik harga lagi. Itu sebab berlaku masalah sebegini," katanya.

Semalam, Kosmo! melaporkan, kerajaan bersetuju menaikkan kadar subsidi telur ayam gred A, B dan C sebanyak dua sen sebiju menjadi 10 sen berkuat kuasa kelmarin.